July 2017

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SARAWAK

74th ISSUE

info kampus

UiTM SARAWAK BULLETIN



Wakaf Ilmu:
Enhancing the education of today's youths for a better tomorrow

ISSN 2232-1578

EDITORIAL BOARD

Professor Dato Dr. Jamil Hamali
ADVISOR

Associate Professor Dr. Firdaus Abdullah
MANAGING EDITOR

Roselind Wee
CHIEF EDITOR (ENGLISH)

Lilly Metom
DEPUTY CHIEF EDITOR (BAHASA MALAYSIA)

Aiza Johari
EDITOR (BAHASA MALAYSIA)

Azlina Ghazali
EDITOR (BAHASA MALAYSIA)

Jacqueline Susan Anak Rijeng
EDITOR (BAHASA MALAYSIA & ENGLISH)

Mohamad Bin Abang
WRITER (BM)

Ardiana Mazwa Raudah Bt. Amir Abdullah
WRITER (BM)

Ch'ng Looi Chin
WRITER (ENGLISH)

Jacinta Yeo Jiin Yih
WRITER (ENGLISH)



Adib Sarkawi
WEB MASTER

Abdul Khalid Karim
PHOTOGRAPHER

Educational Excursion to Bac Ninh Sport University, Vietnam

Oleh:
Norazlin Abdullah
Theresa Ahing
Mohammad Hariff Bin Ramlan

Educational Excursion To Bac Ninh, Vietnam merupakan program lawatan sambil belajar yang dianjurkan oleh pelajar semester 4 Sarjana Muda Sains Sukan, UiTM Cawangan Sarawak pada 25 Feb 2017 sehingga 2 Mac 2017 . Program ini merupakan satu alternatif untuk mendedahkan peserta kepada aplikasi teknologi peralatan makmal dalam menganalisis respons akut dan kronik sistem badan terhadap latihan fizikal dan fungsi fisiologi badan manusia. Selain itu, peserta juga mendapat maklumat mengenai kaedah dan teknologi dalam menganalisis daya ketumpatan tulang, fungsi ujian paru-paru dan lain-lain lagi.

Program seumpama ini memberi peluang kepada peserta untuk memahami dan mengenalpasti jenis peralatan standard yang digunakan dalam ujian fisiologi dan ujian penilaian terhadap prestasi atlit.

Institute of Sport Science and Technology, Bac Ninh Sport University, Vietnam telah memberi peluang kepada peserta untuk mengendali peralatan serta memberi penerangan berkenaan peralatan tersebut.

Selain menimba ilmu, objektif lawatan ini bertujuan melahirkan pelajar yang berdaya saing, dinamik serta meningkatkan kualiti kebolehpasaran graduan setelah tamat pengajian kelak seiring dengan perkembangan teknologi dalam sukan masa kini.

Lawatan Akademik ke Taman Negara Bako

Oleh: Suraiya binti Mahdian

Program Lawatan Akademik ke Taman Negara Bako merupakan lawatan akademik bagi kursus AGR251-Pengurusan Tanah Bermasalah. Lawatan ini melibatkan pelajar program Diploma Pengurusan Ladang UiTM Mukah yang mendaftar untuk kursus ini. Lawatan akademik ini telah dijalankan pada 2 hingga 5 Mac 2017 yang disertai oleh 25 orang pelajar dari kumpulan AT1104B; manakala pada 17 hingga 20 April 2017, lawatan ini telah disertai oleh 15 orang pelajar dari kumpulan AT1104A dan 24 orang pelajar dari kumpulan AT1104C. Lawatan ini telah diiringi oleh dua orang pegawai pengiring iaitu Puan Suraiya binti Mahdian yang merupakan pensyarah bagi kursus ini dan Encik Azizu Soteh bin Ali yang juga merupakan pensyarah di UiTM.

Program ini merupakan keperluan yang terkandung di dalam silibus bagi kursus AGR251-Pengurusan Tanah Bermasalah yang memperuntukkan 10% daripada markah penilaian keseluruhan. Objektif utama program ini adalah untuk mendedahkan para pelajar tentang proses pembentukan hakisan tanah serta pengkelasan bagi tanah-tanah bermasalah yang terdapat di Taman Negara Bako.

Secara kesimpulannya, lawatan ini telah berjaya mencapai objektif dan matlamat yang telah digariskan, di mana para pelajar dapat mengaplikasikan apa yang telah dipelajari sewaktu di dalam kelas dengan keadaan sebenar sebagai contoh, membezakan jenis-jenis tanah dan hakisan tanah, punca yang menyebabkan berlakunya hakisan tanah serta kesannya terhadap ekosistem di Taman Negara Bako, mengenalpasti jenis-jenis mineral yang terdapat di dalam tanah dan membuat pengkelasan tanah bagi kawasan Taman Negara Bako berdasarkan ciri-ciri yang dikaji dan diperolehi sepanjang aktiviti ini berjalan. Keseluruhannya, program seperti ini harus diteruskan pada masa akan datang kerana ia mampu membantu dan meningkatkan kefahaman para pelajar bagi kursus ini.

UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications and International Relations Unit

Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110
E-mail: korporat_swk@uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my